

# SEJARAH TRANSISI JAWATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

## 1 TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ (1903 - 1990)

### Perdana Menteri Malaysia Pertama

31 Ogos 1957 - 22 September 1970

- Pada pilihan raya umum pertama negara iaitu pada Julai 1955, parti Perikatan (UMNO, MCA dan MIC) yang dipimpin Tunku Abdul Rahman telah mencapai kejayaan cemerlang dengan beroleh 51 daripada 52 kerusi yang ditandingi, sekali gus membolehkan Tunku dilantik sebagai Ketua Menteri Kerajaan Tanah Melayu.
- Sebagai Ketua Menteri, beliau juga telah berusaha menamatkan pengganas komunis secara damai bermula dengan Runding Baling pada Disember 1955 namun ketika itu masih gagal membuatkan komunis letak senjata menyebabkan Tunku lebih berazam menamatkan darurat pengganas komunis.
- Dalam tempoh sama juga beliau telah membawa mandat rakyat yang mahu mendapatkan kemerdekaan daripada British. Justeru, pada tahun 1956, Tunku mengetui rombongan yang terdiri daripada empat orang wakil Raja-raja Melayu dan empat orang wakil Parti Perikatan ke London untuk berbincang dengan kerajaan British mengenai kemerdekaan Tanah Melayu.
- Rombongan itu telah mendapat meyakinkan Kerajaan British dan menetapkan tarikh Kemerdekaan iaitu pada 31 Ogos 1957. Setelah negara merdeka pada tahun 1957, Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Perdana Menteri yang pertama.



## 3 TUN HUSSEIN ONN (1922 - 1990)

### Perdana Menteri Malaysia Ketiga

15 Januari 1976 - 16 Julai 1981

- Pernah keluar UMNO ketika krisis UMNO pada 1951 lalu menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya namun parti itu tidak mendapat sambutan. Beliau kemudian bersama daripada politik dan keluar negara untuk menyambung pengajian.
- Beliau kembali menyertai UMNO pada bulan Jun 1969 atas desakan Tun Abdul Razak.
- Pada 13 Ogos 1973, beliau dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri menggantikan tempat Tun Dr Ismail yang telah meninggal dunia.
- Beliau juga menjawat jawatan Menteri Kewangan dan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam.
- Pada 14 Januari 1976, Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ke-3 menggantikan Tun Abdul Razak yang meninggal dunia.



## 6 DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK (1953)

### Perdana Menteri Malaysia Keenam

3 April 2009 hingga 9 Mei 2018

- Beliau menggantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam pelan peralihan kuasa UMNO dan negara selepas banyak kerusi BN tewas mengejut pada Pilihan Raya Umum ke-12 dan menjadi sejarah turbur untuk parti itu ketika PRU pada masa itu.
- Dalam pentadbiran, beliau telah memperkenalkan Gagasan 1Malaysia yang memupuk perpaduan rakyat di antara kaum dan memperkenalkan bantuan tunai kepada rakyat berpendapatan rendah menerusi Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).
- Pada PRU14, Barisan Nasional tewas ekoran beberapa kontroversi kes melibatkan penyelewengan wang negara yang dikaitkan dengan Najib.
- Susulan kekalahan tersebut, pada Mei 2018 beliau telah meletakkan jawatan sebagai Presiden UMNO dan Pengerusi BN serta-merta.



## 4 TUN DR MAHATHIR MOHAMAD (1925)

### Perdana Menteri Malaysia Keempat

16 Julai 1981 - 30 Oktober 2003

- Pada PRU 1974 beliau berjaya memenangi kerusi Parlimen Kubang Pasu dengan menang tanpa bertanding dan telah mewakili kawasan Parlimen ini sehingga 2004.
- Di dalam kabinet Allahyarham Tun Abdul Razak, beliau telah dilantik memegang beberapa portfolio menteri sehingga beliau menjadi Perdana Menteri pada 16 Julai 1981, apabila Allahyarham Tun Hussein Onn meletakkan jawatan atas sebab-sebab kesihatan.
- Pada Perhimpunan Agung UMNO 22 Jun 2002, Dr Mahathir telah mengumumkan peletakan jawatan beliau sebagai Presiden UMNO pada Oktober 2003. Beliau bersara selepas menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.



## 7 TUN DR MAHATHIR MOHAMAD (1925)

### Perdana Menteri Malaysia Ketujuh

10 Mei 2018 - 24 Februari 2020

- Dilantik semula sebagai Perdana Menteri ketujuh melalui Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) yang lahir selepas pemecatan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mukhriz Mahathir daripada UMNO.
- Bersatu bersetuju mewujudkan permuafakatan bersama pecahan Pakatan Rakyat iaitu Pakatan Harapan (PH) dengan syarat beliau menjadi Perdana Menteri sekiranya PH membentuk kerajaan.
- Perjanjian dalam PH pula menamakan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri kelapan selepas dua tahun Dr Mahathir mentadbir negara.
- Bagaimanapun, wujud beberapa tekanan kepada beliau berhubung tarikh penyerahan kuasa yang membawa kepada permulaan polemik politik tanah air.
- Dr Mahathir meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri kelapan pada 24 Februari lalu dan dilantik sebagai Perdana Menteri Interim oleh Yang di-Pertuan Agong pada tarikh sama.



## 5 TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI (1939)

### Perdana Menteri Malaysia Kelima

31 Oktober 2003 - 3 April 2009

- Dilantik menjadi Perdana Menteri selepas Dr Mahathir melepaskan jawatan dan bersara.
- Beliau telah meletakkan Islam Hadhari sebagai agenda untuk menempatkan bangsa Malaysia ke kedudukan yang lebih tinggi.
- Bagaimanapun, dalam tempoh pentadbiran negara di bawah beliau, semakin ramai pihak yang lantang mengkritik kelemahan kerajaan sehingga ia diterjemahkan pada PRU13 pada 2008 apabila Barisan Nasional kalah teruk dan hilang beberapa kerajaan negeri.
- Susulan itu beliau menerima desakan untuk meletakkan jawatan, antaranya daripada Dr Mahathir yang menyifatkan beliau telah 'memusuahkan' BN pada PRU12.
- Dalam masa sama, Pakatan Rakyat yang ketika itu dianggotai oleh PKR, DAP, dan Pas juga memberi desakan sama dan mendakwa mereka akan dapat menubuhkan kerajaan baharu menerusi gerakan 'Hari Baharu Untuk Malaysia'.
- Pada Perhimpunan Agung UMNO Mac 2009, beliau telah membuat keputusan untuk tidak mempertahankan kedudukan sebagai Presiden dan seterusnya menarik diri daripada menjadi Perdana Menteri.



## 8 TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN (1947)

### Perdana Menteri Malaysia Kelapan

29 Februari 2020

- Parti Pribumi Bersatu (Bersatu) telah mengumumkan keluar daripada PH sejak Tun Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri ketujuh.
- Parti politik daripada BN dan Pas yang sebelum itu telah menubuhkan Muafakat Nasional telah menyokong beliau sebagai Perdana Menteri kelapan.
- Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan melantik Muhyiddin sebagai Perdana Menteri kelapan.



## 2 TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN (1922 - 1976)

### Perdana Menteri Malaysia Kedua

22 September 1970 - 14 Januari 1976

- Tun Abdul Razak menjadi Timbalan Perdana Menteri selepas negara mencapai kemerdekaan.
- Beliau turut memegang beberapa portfolio dalam tempoh itu.
- Setelah pilihan raya umum ketiga iaitu Mei 1969, berlaku peristiwa hitam negara apabila terjadinya rusuhan perkauman di Kuala Lumpur. Negara diisyitarkan darurat dan diperintah oleh Majlis Gerakan Negara (Mageran) yang diketuai Tun Abdul Razak.
- Sebagai Pengarah Mageran, beliau berjaya memulihkan keamanan, memupuk keharmonian dan muhibah dan mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan. Susulan itu juga Rukun Negara telah dibentuk pada 31 Ogos 1970.
- Tun Abdul Razak dilantik sebagai Perdana Menteri pada 22 September 1970 setelah Tunku Abdul Rahman meletak jawatan.

